

**PENGURUSAN DISIPLIN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
HARIAN DI DAERAH PASIR GUDANG, JOHOR**

**SALWANA BINTI MOHAMED NOR**

Disertasi ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
**(Pengurusan & Pentadbiran)**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2013

## DEDIKASI

Syukur Alhamdulillah ke atas nikmat Allah S.W.T yang tidak terhitung  
Selawat serta salam atas junjungan besar baginda Muhammad S.A.W  
Kepada Sahabat-sahabat dan para tabiin yang memperjuangkan agama seumur hidup  
Terutamanya buat ayah, ibu, keluarga tersayang  
Terima kasih atas dorongan dan doa yang menyusul kejayaanku  
Buat pensyarah Prof Madya Dr Yusof Boon terima kasih yang tidak terhingga  
Atas segala ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan.  
Buat rakan-rakan seperjuangan,  
Terima kasih di atas nasihat dan segala budi baik.  
Akhir sekali buat suami dan anak-anak tersayang  
Yang begitu sabar menunggu kepulangan dinda dengan segulung ijazah sarjana.  
Semoga Allah S.W.T memberkati setiap pengorbanan kalian.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan kepada keluarganya serta para sahabat. Bersyukur kehadiran Ilaihi kerana dengan limpah taufik dan hidayahNya, dapat saya menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan ingin dirakamkan kepada penyelia Projek Sarjana, Prof. Madya Dr Yusof Boon atas bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh penyelidikan Projek Sarjana ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu dalam proses menyempurnakan kajian ini. Segala pengorbanan yang telah dicurahkan amat bermakna buat saya menyelesaikan kajian ini.

Sekalung ucapan terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan terutama kepada Pengetua SMK dan guru sekolah yang terlibat, bekerjasama memberikan segala maklumat yang diperlukan bagi melaksanakan kajian ini dan amat saya hargai.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami dan anak-anak serta keluarga juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan doa restu dalam menjayakan projek sarjana ini. Jasa kalian hanya Allah S.W.T yang boleh membalasnya.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan kemahiran guru disiplin dalam menjalankan tugas menguruskan disiplin sekolah di sekolah menengah harian di daerah Pasir Gudang. Seramai 100 orang responden yang terdiri daripada guru-guru disiplin dipilih dari 10 buah sekolah di dalam zon Pasir Gudang bagi mewakili sekolah menengah harian di daerah Pasir Gudang. Instrumen kajian menggunakan kaedah soal selidik yang telah mendapat pengesahan dari pihak penyelia. Instrumen kajian ini diedarkan kepada 10 responden sebagai kajian rintis bagi menguji darjah kebolehpercayaan/ analisis kesahihan. Darjah kebolehpercayaan (alfa cronbach) bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.79 bagi set soalan bahagian pengetahuan dan bahagian kemahiran ialah 0.94 . Kajian ini dianalisis menggunakan perisian '*Statistical Package for the Sosial Sciences*' versi 16.0'. Analisis data dilakukan secara deskriptif (min, frekuensi dan peratus) dan inferensi (Ujian-t dan Ujian Korelasi). Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan dan kemahiran guru disiplin sekolah menengah harian di daerah Pasir Gudang adalah pada tahap tinggi. Selain itu terdapat hubungan signifikan antara pengetahuan dan kemahiran guru disiplin tetapi tidak terdapat hubungan signifikan antara pengetahuan dan kemahiran guru disiplin terhadap jantina guru.

## ABSTRACT

This study aimed to determine the knowledge and skills of teacher discipline in carrying out the task of managing school discipline in secondary schools in the district of Pasir Gudang. A total of 100 respondents from the selected discipline teachers from 10 schools in the Pasir Gudang zone to represent the school in Pasir Gudang. The research instrument using questionnaires have been endorsed by the supervisor. Survey instrument was distributed to 10 respondents as a pilot study to test the reliability / validity analysis. The reliability (Cronbach alpha) for the instruments used in this study was 0.79 for the set of questions the knowledge and the skills is 0.94. Were analyzed using the software "Statistical Package for the Social Sciences 'version 16.0'". Descriptive data analysis performed (mean, frequency and percentage) and inferential (t-test and Correlasion). The study found that the level of discipline knowledge and skills of teachers in secondary schools Pasir Gudang district is high. In addition there is a significant relationship between teachers 'knowledge and skills in the discipline but there is no significant relationship between teachers' knowledge and skills in the discipline of teacher gender..

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	<b>i</b>
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	<b>ii</b>
	<b>JUDUL</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>iv</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>v</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vii</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>viii</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>ix</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	10

1.6.1	Guru Disiplin	11
1.6.2	Pihak Sekolah	11
1.6.3	Pihak Ibu Bapa	12
1.6.4	Pihak Pejabat pelajaran Daerah	12
1.7	Skop Dan Batasan Kajian	13
1.8	Definisi istilah	13
1.8.1	Sekolah Menengah Kebangsaan Harian	14
1.8.2	Salah Laku	14
1.8.3	Pengurusan Disiplin	15
1.8.4	Kemahiran	15
1.9	Kesimpulan	16

## **2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	17
2.2	Teori-Teori Tingkahlaku Manusia	18
2.2.1	Teori Maslow	18
2.2.2	Teori Robert Havinghurst	19
2.2.3	Teori Erikson	19
2.3	Jenis-Jenis Masalah Disiplin Sekolah Menengah	20
2.4	Pengurusan Disiplin Sekolah Menengah	21
2.6	Kesimpulan	26

## **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	28
3.4	Instrumen Kajian	29
3.4.1.1	Bahagian A	30
3.4.1.2	Bahagian B	31
3.4.1.3	Bahagian C	31

3.5	Prosedur Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	32
3.7	Kaedah Analisa Data	33
3.8	Kesimpulan	35

## **4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	37
4.2	Bahagian A	38
4.3	Dapatan Berdasarkan Persoalan Kajian	41
4.3.1	Tahap Pengetahuan Guru Disiplin	42
4.3.2	Tahap Kemahiran Guru Disiplin	45
4.3.3	Persoalan Kajian : Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Dalam Melaksanakan Tugas Sebagai Guru Disiplin Di Sekolah Menengah Harian Biasa Berdasarkan Jantina	49
4.3.4	Persoalan Kajian : Adakah Terdapat Perbezaan Tahap Kemahiran Guru Disiplin Dalam Melaksanakan Tugas Sebagai Guru Disiplin Di Sekolah Menengah Harian Biasa Berdasarkan Jantina	50
4.3.5	Persoalan Kajian : Adakah Terdapat Hubungan Signifikan Antara Pengetahuan Tentang Peraturan Disiplin Pelajar Dengan Kemahiran Pengurusan Disiplin Pelajar Di Kalangan Guru Disiplin Sekolah Menengah mengikut jantina.	51
4.3.6	Persoalan Kajian : Adakah Terdapat Hubungan Signifikan Antara Pengetahuan Tentang Peraturan Disiplin Dengan Kemahiran Pengurusan Disiplin Di Kalangan Guru Disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Pasir Gudang	52
4.4	Kesimpulan	52



<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	53
5.2	Rumusan Kajian	53
5.3	Perbincangan	54
5.3.1	Pengetahuan Guru Disiplin Terhadap Tugasnya	55
5.3.2	Kemahiran Guru Disiplin Terhadap Tugasnya	56
5.4	Hubungan Antara Pengetahuan Dan Kemahiran Pengurusan Disiplin Pelajar Dalam Kalangan guru Disiplin Mengikut Jantina	56
5.5	Hubungan Antara Pengetahuan Dan Kemahiran Pengurusan Disiplin Pelajar Dalam Kalangan guru Disiplin	57
5.6	Implikasi Dan Cadangan Kajian	57
5.5.1	Pusat Latihan Guru	58
5.5.2	Pengurusan Sekolah	69
5.5.3	Pelaksanaan Tatacara Disiplin Secara Menyeluruh	60
5.5.4	Tatacara Menyelesaikan Masalah Displin	60
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	61
5.8	Penutup	62
	<b>RUJUKAN</b>	64
	<b>LAMPIRAN</b>	68

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Skala Likert Lima Mata	30
3.2	Jadual kebolehpercayaan	33
3.3	Pengkelasan Tahap Markat Skor Min	35
4.1	Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mengikut Jantina	38
4.2	Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mengikut Agama	39
4.3	Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mengikut Kaum	39
4.4	Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	40
4.5	Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Memegang Jawatan Guru Disiplin	40
4.6	Taburan Kekerapan Dan Peratus Menghadiri Kursus Berkaitan Pengurusan Disiplin	41
4.7	Taburan Kekerapan Dan Peratus Responden Minat Menjadi Guru Disiplin	41
4.8	Analisis Min Pengetahuan Guru Disiplin Melaksanakan Tugas Guru Disiplin Di Sekolah	43
4.9	Analisis Min Kemahiran Guru Disiplin Melaksanakan Tugas Guru Disiplin Di Sekolah	46
4.10	Analisis Ujian-t Perbandingan Tahap Pengetahuan Guru Disiplin Dalam Melaksanakan Tugas Di Sekolah Dari Segi Jantina	49
4.11	Analisis Ujian-t Perbandingan Tahap Kemahiran Guru Disiplin Dalam Melaksanakan Tugas Di Sekolah Dari Segi Jantina	50
4.12	Analisis Ujian Korelasi Perbandingan Tahap Pengetahuan Dan	

	Kemahiran Guru Disiplin Dalam Melaksanakan Tugas Di Sekolah Dari Segi Jantina	51
4.13	Analisis Ujian Korelasi Perbandingan Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Disiplin Dalam Melaksanakan Tugas Di Sekolah	52

**SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN**

SPSS	<i>Statistical Package for Sosial Science</i>
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
BPPDP	Bahagian Perancangan Pendidikan dan Dasar Pendidikan

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Set Soal Selidik	69
B	Dapatan kajian rintis	75
C	Analisa dapatan kajian	79
D	Surat pengesahan status pelajar	93

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar kini menjadi satu perkara yang membimbangkan memandangkan masalah ini semakin menjadi-jadi walaupun pelbagai langkah telah diambil oleh pelbagai pihak termasuk pihak Kementerian Pelajaran, pihak sekolah mahupun pihak swasta dalam usaha membanteras kegiatan tidak sihat ini dalam kalangan pelajar sekolah. Kadar berlakunya keruntuhan nilai sosial dan kejadian salah laku di kalangan pelajar sentiasa meningkat tahun demi tahun. Kita juga sering dikejutkan dengan pelbagai peristiwa yang amat memalukan melibatkan pelajar. Anak-anak yang masih bersekolah telah terlibat dalam kelakuan samseng, menagih dan mengedar dadah dan yang paling terbaru ialah pelajar terlibat dalam kes mencuri motosikal. Bila perkara ini berlaku, orang yang diberikan fokus utama ialah guru terutamanya guru-guru disiplin.

Tugas sebagai guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) dan guru disiplin pada hari ini adalah begitu mencabar. Tetapi ini bukanlah menunjukkan tugas mendisiplinkan pelajar hanya dilakukan oleh PK Hem dan guru disiplin sahaja malah harus juga dipikul bersama oleh semua guru lain. Tugas guru kini bukan terhad

kepada proses pengajaran dan pembelajaran sahaja tetapi perlu juga bertindak dalam mendisiplinkan pelajar. Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) pernah mengeluarkan kenyataan meminta semua anggotanya supaya jangan menghiraukan masalah disiplin dan salah laku pelajar dan ini telah ditemplak oleh Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Menteri Pendidikan pada masa itu (Mingguan Malaysia, 24 Ogos 1997)

Sebagai seorang guru, ia perlu berupaya menentukan kaedah-kaedah serta strategi-strategi yang berkesan bagi memastikan pelajar-pelajar yang berbeza dari segi kebolehan dan minat dipandu dan dibimbing dengan berkesan. Guru perlu mempunyai banyak pengetahuan terutama dari segi latar belakang serta berkenaan pelajaran yang diajar (Logan & Logan , 1974). Menurut Ibit ( 2001) , guru perlu ada kemahiran mengetahui kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, barulah kaedah-kaedah penyelesaian dipilih mengikut kesesuaian jenis kesalahan yang dilakukan.

Kemahiran mengurus disiplin yang berkesan dan cekap membolehkan proses pengajaran dijalankan secara licin dan teratur. Suasana pengajaran dan pembelajaran menjadi tenang dan pelajar memahami kandungan pengajaran dengan lebih sempurna. Melalui kemahiran mengurus disiplin yang baik, nilai moral pelajar dapat dibentuk dan dipupuk ke tahap yang memuaskan dan suasana bilik darjah menjadi lebih kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar ( Mohd Ismail Othman, 2006)

Seringkali dalam kalangan guru berlaku salah anggapan skop tugas mereka hanya terhadap pengajaran sahaja dan tidak mempedulikan masalah disiplin yang berlaku di sekeliling mereka. Menurut Loh (1995), tugas guru adalah sungguh besar dan mulia iaitu sebagai pendidik yang akan mendidik pelajar menjadi insan yang berguna kepada masyarakat. Oleh itu perlu dibuang tanggapan dalam kalangan guru yang menganggap sudah tidak ada hubungan dengan pelajar selepas tamat sesi persekolahan demi melahirkan generasi unggul dan kental dalam menghadapi alaf baru. Sebenarnya tugas mendisiplinkan pelajar juga tidak harus dimonopoli oleh guru-guru sahaja malah kerjasama dari masyarakat, badan-badan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan ibu bapa harus memikul tanggungjawab ini bersama. Sikap “menjaga tepi kain orang” perlu dipupuk agar

masalah pelanggaran disiplin ini dapat dibendung. Menurut Abd Halim (1999), sekolah tidak seharusnya dibiarkan terkial-kial bersendirian dalam menangani masalah disiplin dalam kalangan pelajar.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (1988), peranan guru dalam melaksanakan disiplin pelajar sekolah dapat disimpulkan kepada dua bahagian iaitu

- i. Mengawas disiplin dalam bilik darjah, sekitar kawasan sekolah dan juga kegiatan-kegiatan luar sekolah. Guru-guru wajib memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pengetua dan sama-sama guru sendiri di dalam tugas melaksanakan disiplin sekolah
- ii. Melaksanakan hukuman disiplin apabila diarahkan oleh pengetua secara arahan bertulis mengikut peruntukan peraturan yang sedia ada.

Daripada kenyataan ini dapatlah disimpulkan bahawa semua guru adalah guru disiplin dan sememangnya telah diakui oleh semua guru. Masalah berlaku dalam kalangan guru pula ialah mereka keliru sama ada hendak menumpukan proses pengajaran dan pembelajaran atau mendisiplinkan pelajar memandangkan kekangan masa mereka. Akibatnya ialah menurut Ibrahim Saad (1990), guru telah mula menganggap tugas mendisiplinkan pelajar adalah tugas guru disiplin, PK HEM dan pengetua semata-mata. Manakala pihak yang terlibat dalam pengurusan disiplin pula menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan kerana terpaksa berhadapan dengan pelbagai pihak yang sentiasa memberikan kritikan, bantahan, fitnah, rungutan, ugutan dan tindakan kekerasan dalam melaksanakan peraturan sekolah.

Kebiasaan guru disiplin, dibayangkan sebagai satu gambaran yang agak bengis, garang, bermisai tebal, mempunyai suara yang garau, tidak peramah dan



sebagainya. Guru disiplin juga dianggap sebagai guru yang paling digeruni di sekolah, malah lebih digeruni daripada guru besar. Sejak kebelakangan ini berbagai cerita tentang isu yang berkaitan tentang masalah disiplin di sekolah. Ini kerana guru yang mempunyai perwatakan yang sedemikian lebih kerap diberi kepercayaan oleh pihak sekolah untuk menjalankan tugas yang berat ini dengan sempurna. Selain dari itu, ia juga sering dikaitkan dengan persepsi yang berbagai terhadap guru disiplin selaku penguatkuasa peraturan dan disiplin di sekolah

Sering kali juga guru disiplin dipersalahkan jika terdapat sesuatu pelanggaran disiplin di sekolah. Ibu bapa tidak dapat menerima hukuman atau tindakan yang dikenakan ke atas anak-anak mereka. Pada pendapat mereka, guru bukan menghukum anak mereka tetapi sebaliknya ia bersifat mendenda anak-anak mereka. Menurut Mohd Ismail (2006), guru disiplin sentiasa menanggung risiko dibelasah oleh pelajar atau bekas pelajar sekolah. Ini kerana guru disiplin mengambil tindakan yang pada pandangan pelajar tidak adil atau pelajar tidak puas hati dengan tindakan guru disiplin. Dalam suatu kejadian, di sebuah sekolah menengah di Perak seorang guru disiplin telah dcederakan oleh 14 pelajar tingkatan tiga. (Berita Harian, 20 Oktober 1994). Di Alor Setar, seorang guru disiplin di sebuah sekolah menengah di Jalan Gunung, telah cedera dibelasah sekumpulan pelajar tingkatan 5. (Berita Harian, 14 September 2012). Kejadian ini dipercayai kerana guru berkenaan menegur pelajar tersebut yang lambat menyertai perhimpunan. Di Kelantan, satu kejadian di mana bekas pelajar sebuah sekolah telah bertindak menyerang seorang guru disiplin kerana tidak berpuas hati dikenakan tindakan disiplin pembuangan sekolah dan ini menyebabkan guru tersebut mengalami cedera yang agak parah. (Berita Harian, 7 Julai 1999) Ini memperlihatkan bahawa guru disiplin harus berhati-hati menjalankan hukuman mengikut peraturan sekolah serta mengikut prosedur agar tidak timbul rasa dendam di kalangan pelajar kerana kebiasaan pelajar yang telah dikenakan tindakan disiplin akan wujud dalam hati mereka perasaan tidak berpuas hati dan dendam. Ini mengakibatkan guru teragak-agak dalam membuat keputusan mengenakan tindakan disiplin ke atas pelajar tersebut walaupun kesalahan itu memang berlaku terang-terangan di depan mata mereka

Guru disiplin juga sering menghadapi kerenah dari pihak pentadbir sekolah dan rakan sejawat. Prosedur pengurusan disiplin yang dibuat belum tentu akan

disokong oleh pihak pentadbir sekolah dan rakan sejawat malah kiranya berlaku situasi tertentu belum ada pihak yang tampil untuk memberikan sokongan atau mempertahankan tindakan yang diambil. Akibat dari itu, guru-guru disiplin sering menghadapi dilema dalam melaksanakan peraturan sekolah terutamanya yang melibatkan hal-hal yang memerlukan tindakan tegas diambil contohnya seperti pergantungan dan pembuangan

Dalam membentuk sahsiah cemerlang, tanggungjawab ini perlu digalas bersama oleh guru dan ibu bapa. Perasaan tolong menolong perlu diwujudkan agar suasana tuding menuding jari dan meletakkan kesalahan ke atas pihak yang lain dapat dihapuskan sama sekali. Apa yang berlaku hari ini ialah kerap pihak ibu bapa menyalahkan guru apabila berlaku keruntuhan sosial ke atas anak mereka dan ini adalah tidak adil. Menurut Amida (1998), pada 50 tahun yang lalu jika pelajar balik ke rumah dan mengadukan perihal mereka telah dirotan oleh guru maka ibu bapa tanpa berfikir panjang telah memihak kepada guru dan memberikan kepercayaan sepenuhnya tanpa berbelah bagi. Apa yang berlaku hari ini adalah sebaliknya iaitu pihak ibu bapa sering menyebelahi anak mereka apabila anak mereka mengadu telah dihukum oleh guru dan ini menyebabkan tekanan kepada guru disiplin dalam melaksanakan tugas disiplin. Keadaan bertambah parah lagi apabila pihak pentadbir dan pihak berkuasa tidak menyebelahi dan memberikan sokongan kepada guru. Keintelektualan ibu bapa hari ini menyebabkan mereka seringkali menyaman guru di mahkamah dan memperbesar hal-hal yang remeh melalui media massa apabila guru disiplin mengenakan tindakan disiplin ke atas anak mereka.

Oleh itu adalah lebih baik kajian ini menyorot kembali peranan guru disiplin dalam melaksanakan tugas disiplin di samping mengenalpasti pengetahuan, kemahiran dan keperluan latihan guru disiplin dalam bidang disiplin.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmana pengurusan disiplin di kalangan guru disiplin di sekolah menengah di daerah Pasir Gudang. Kajian ini untuk melihat sejauhmana pengetahuan, kemahiran serta hubungan pengetahuan dengan kemahiran disiplin terhadap tugas dan persekitaran mereka.

Bebanan tugas guru disiplin selaku Pengurusan Pertengahan yang berkaitan dengan disiplin bertambah dan mereka ini tidak terkecuali menjadi guru kelas, sebagai guru rumah sukan dan sebagainya. Menurut *Utusan Malaysia* (2004), melaporkan:

*Beban tugas seorang guru hari ini bertambah kepada 130 peratus iaitu meliputi 70 peratus tugas pengajaran dan pembelajaran dan 60 peratus tugas pentadbiran. Presiden Kesatuan perkhidmatan perguruan Kebangsaan (KPPK) Ismail Nihat menyatakan. 'Kita bimbang guru tertekan dengan situasi tersebut menyebabkan mereka bekerja sekadar memenuhi tugas yang diarahkan.'*

Menurut Mohd Ismail (2006), dewasa ini selain mengajar dan mendidik murid-murid di sekolah, tugas sampingan guru amat berat dan banyak termasuk tugas-tugas pengkeranian, Ini amat menyulitkan guru memberi perhatian kepada aspek disiplin

Tiada hak istimewa sebagai guru disiplin. Walaubagaimana pun usaha untuk mengurangkan beban tugas guru disiplin selaku pengurusan pertengahan di sesebuah sekolah nampaknya mendapat perhatian pihak-pihak tertentu seperti Menteri Pelajaran dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Mereka sedar, dengan beban tugas guru disiplin yang berat, guru disiplin tidak dapat menjalankan tugas sebagai guru disiplin dengan berkesan. Tugas sebagai guru disiplin bukan sahaja sekadar semasa di sekolah, malah ia berlaku semasa di luar waktu persekolahan. Disiplin tidak berakhir pada waktu persekolahan. Ianya berterusan sepanjang masa tanpa had masa.

Oleh yang demikian faktor motivasi adalah sangat penting bagi seseorang guru disiplin menjalankan tugas sebagai guru disiplin. Motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam menjadikan seseorang guru disiplin itu menjalankan tugas dengan penuh semangat dan cemerlang. Tekanan demi tekanan yang menimpa guru disiplin secara asasnya telah menjadikan guru disiplin hilang semangat dan motivasi dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang. Bertambah parah lagi apabila tugas yang dilaksanakan guru disiplin tidak dipandang dan dihargai oleh pihak pentadbiran. Ini dapat dibuktikan apabila berlaku satu kes melibatkan guru dan ibu bapa pelajar, seringkali pihak pentadbir melarikan diri dan membiarkan guru disiplin menghadapi dengan sendiri terutamanya yang melibatkan kes-kes mahkamah yang mana masing-masing cuba menyelamatkan diri dari menggalas tanggungjawab tersebut. Akhirnya guru disiplin sendiri terpaksa menghadapi situasi tersebut berseorangan dan ini telah menimbulkan perasaan benci dan dendam guru disiplin terhadap pentadbiran yang mana sekaligus menyebabkan hilangnya motivasi guru disiplin dalam menyambung semula tugas disiplin tersebut.

Penghargaan terhadap jasa guru disiplin tidak dilakukan iaitu keengganan pihak pentadbiran dalam mengiktiraf dan mengurangkan masa pengajaran dan pembelajaran bagi seseorang yang menggalas tugas guru disiplin. Menurut surat pekeliling dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), menjadi hak seseorang guru disiplin masa mengajarnya ialah 18 waktu seminggu sahaja. Apa yang berlaku hari ini ialah masa mengajar guru disiplin melebihi 18 waktu dan dibebankan lagi dengan tugas tambahan dan ini menyebabkan guru disiplin hilang fokus dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru disiplin yang mana perkara tersebut menyebabkan hilangnya motivasi guru disiplin dalam melaksanakan tugas disiplin.

Faktor lain yang memberi kesan kepada pengurusan disiplin yang baik ialah keperluan latihan berkaitan tugas guru disiplin kepada guru disiplin. Seringkali apabila penilaian dilakukan semula ke atas prosedur kerja tindakan disiplin sekolah oleh pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Pejabat Pelajaran Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke atas prosedur dan garis kerja mendapati guru disiplin yang dilantik pihak sekolah tidak jelas dengan prosedur kerja pengurusan disiplin sebenar. Perkara ini dapat dibuktikan dengan hukuman rotan yang dijalankan oleh guru disiplin ke atas kesalahan dilakukan pelajar adalah tidak

mematuhi prosedur sebenar dari segi pelaksanaan, saiz rotan dan saksi. Begitu juga dengan prosedur pergantungan dan pembuangan yang dilakukan juga didapati guru disiplin tidak mematuhi prosedur dan ini boleh menyebabkan masalah besar kepada mereka kiranya terbabit dalam kes mahkamah. Oleh itu, setiap guru yang dilantik memang memerlukan latihan dan kursus yang sesuai. Kajian ini akan mendapatkan maklumat berkenaan keperluan latihan dan kursus yang sesuai bagi guru disiplin

Persepsi atau pandangan guru terhadap masalah-masalah disiplin di sekolah merupakan perkara yang perlu dititikberatkan memandangkan guru disiplin orang yang terlibat sepenuhnya dalam mengendalikan kes-kes disiplin dan mampu memberikan pandangan terhadap hal ehwal semasa berkaitan disiplin di sekolah. Pandangan positif dan harapan oleh guru disiplin terhadap kes pelanggaran disiplin dan pengurusan disiplin mampu memberikan gambaran bahawa guru tersebut adalah positif dan bermotivasi dalam mewujudkan pengurusan disiplin yang baik dan sekaligus menyumbangkan kepada melahirkan generasi remaja dan masyarakat yang cemerlang sahsiah. Manakala pandangan negatif terhadap pengurusan disiplin dan masalah-masalah disiplin semasa, menunjukkan guru disiplin tersebut tidak bersedia atau tidak meminati bidang tugas guru disiplin dan ini akan mendatangkan kerugian besar kepada pihak sekolah kerana guru disiplin tersebut pasti tidak akan dapat membantu dalam menguruskan disiplin dengan baik. Kecemerlangan akademik sekolah adalah berkaitan kecemerlangan pengurusan disiplin.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Beberapa faktor telah dikesan yang menyebabkan berlakunya masalah pengurusan disiplin tidak berkesan dan teratur di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Pasir Gudang, Johor. Bagi memudahkan pelaksanaan kajian ini, enama objektif telah dipilih:

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor dalam menangani masalah disiplin pelajar di sekolah menengah.
- ii. Mengenalpasti tahap kemahiran pengurusan disiplin guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor dalam menangani masalah disiplin pelajar di sekolah menengah.
- iii. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan pengetahuan tentang pengurusan disiplin pelajar di kalangan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor mengikut jantina.
- iv. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap kemahiran pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor mengikut jantina.
- v. Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan kemahiran pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor mengikut jantina.
- vi. Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor

## **1.5 Persoalan Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik mempunyai enam persoalan untuk dikaji. persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap pengetahuan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor dalam menangani masalah disiplin pelajar di sekolah menengah.
- ii. Apakah tahap kemahiran pengurusan disiplin guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor. dalam menangani masalah disiplin pelajar di sekolah menengah
- iii. Apakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan tentang pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor mengikut jantina.
- iv. Apakah terdapat perbezaan tahap kemahiran pengurusan disiplin dalam kalangan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor mengikut jantina.
- v. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan tentang peraturan disiplin pelajar dan kemahiran pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor mengikut jantina.
- vi. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran pengurusan disiplin pelajar dalam kalangan guru disiplin Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di daerah Pasir Gudang, Johor

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting bukan sahaja kepada guru disiplin, pentadbir dan juga pihak sekolah malah ianya boleh dijadikan panduan untuk semua pihak yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga membolehkan pelbagai

pihak membuat penambahbaikan dalam proses melantik guru disiplin terutamanya kepada:

### **1.6.1 Guru Disiplin**

Melalui kajian ini diharapkan guru disiplin dapat melihat kekurangan yang ada pada diri mereka disamping keperluan kursus dalam menguruskan hal ehwal disiplin sekolah. Selain itu juga guru disiplin diharapkan dapat mengetahui betapa besarnya peranan mereka dalam menguruskan disiplin sekolah serta turut bertanggungjawab terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Bagi guru-guru yang bakal dilantik menjadi guru disiplin sekolah, kajian ini boleh dijadikan panduan dalam mengurus disiplin sekolah. Melalui kajian ini juga dapat dikenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru disiplin dalam menjalankan tugas seharian sebagai guru disiplin

### **1.6.2 Pihak Sekolah**

Melalui hasil kajian ini, diharapkan agar pihak sekolah yang terdiri daripada pihak pentadbir dan guru dapat membuat pemilihan dan pertimbangan yang tepat di dalam melantik seseorang guru memegang jawatan guru disiplin sekolah. Selain itu, kajian ini juga dapat menjadi garis panduan kepada pihak pentadbir dalam urusan melantik guru disiplin. Memandangkan tanggungjawab guru disiplin merupakan tanggungjawab yang besar dan sekaligus mempengaruhi keamanan dan kecemerlangan sesebuah sekolah itu maka kajian berterusan perlu dijalankan agar fikir dan bimbang akan perkara berkaitan disiplin tersebut menjadi berterusan dan



sentiasa diperbaharui demi mencapai cara yang terbaik dalam menyelesaikan masalah tersebut.

### **1.6.3 Pihak Ibu Bapa**

Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa faktor salah mendidik anak oleh ibu bapa merupakan faktor penyumbang salah laku dan masalah disiplin dalam kalangan remaja dan pelajar. Melalui hasil kajian ini maka ibu bapa boleh menilai kembali kelemahan didikan mereka terhadap anak-anak mereka. Adakah selama ini mereka telah menerapkan nilai-nilai agama dalam mendidik anak-anak mereka atau diri mereka sendiri tidak memberatkan nilai-nilai agama. Kajian ini juga mampu memberikan kesedaran maksima kepada ibu bapa dengan tidak terlalu mudah menyalahkan guru disiplin dan pihak pentadbiran sekolah atas kepincangan masalah disiplin sekolah yang melibatkan anak mereka dengan kesedaran terhadap pengurusan disiplin dan tanggungjawab bersama dalam membentuk insan cemerlang yang merupakan tunggak utama pembangunan dan kemajuan negara.

### **1.6.4 Pihak Pejabat Pelajaran Daerah**

Melalui kajian ini pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) diharapkan dapat menyediakan program-program khusus atau kursus berkaitan pengurusan disiplin kepada guru-guru disiplin yang telah dilantik oleh pihak sekolah. Selain itu, diharapkan pihak PPD dapat mengeluarkan satu garis panduan kepada pihak sekolah dalam melantik seorang guru disiplin yang berkesan dan sekaligus dapat memastikan guru disiplin yang dilantik mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru disiplin.

## **1.7 Skop dan Batasan kajian**

Kajian ini adalah terbatas kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di Daerah Pasir Gudang, Johor melibatkan guru-guru disiplin dari zon Masai dan Pasir Gudang. Kajian ini bertujuan melihat realiti yang berlaku di beberapa buah sekolah dalam menguruskan disiplin sekolah. Kajian ini juga dijalankan terhad kepada beberapa keperluan dalam menguruskan disiplin sekolah. Antara keperluan pengurusan disiplin yang menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah mengenalpasti keperluan kursus untuk guru disiplin, pengetahuan guru disiplin terhadap peraturan dan pengurusan disiplin serta kemahiran dalam menangani masalah-masalah disiplin pelajar yang berlaku di sekolah.

Kajian ini tidak menggambarkan keseluruhan pengetahuan dan kemahiran guru-guru disiplin di daerah Pasir Gudang berikutan sampel kajian yang diambil adalah 30peratus dari populasi iaitu seramai 100 orang guru disiplin sebagai sampel di 10 buah sekolah menengah harian di daerah Pasir Gudang. Menurut Najib (1999), 30peratus boleh dikira mewakili keseluruhan populasi Kajian ini juga terbatas kepada sekolah di zon Masai dan Pasir Gudang sahaja

## **1.8 Definisi Istilah**

Definisi-definisi istilah yang akan diterangkan dalam bahagian ini merupakan istilah-istilah yang bersesuaian dengan konteks kajian ini sahaja. Ianya bertujuan bagi mengelakan kekeliruan oleh pembaca

### **1.8.1 Sekolah Menengah Kebangsaan Harian**

Sekolah adalah sebuah masyarakat kecil yang mempunyai unsur-unsur kebudayaan tersendiri yang menjadi asas panduan bagi memelihara dan menjamin kehidupan yang bersepadu, harmoni, bertatasusila dan berdisiplin (Panduan am disiplin Sekolah, 1981). Menurut Kamus Dewan (1996), sekolah adalah tempat dimana proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara sistematik.

Sekolah Menengah Kebangsaan Harian dapat ditakrifkan sebagai sekolah menengah satu sesi atau dua sesi dan tidak melibatkan kemudahan asrama. Dalam kajian ini, sekolah yang dipilih ialah SMK Megah Ria, SMK Bandar Seri Alam, SMK Seri Alam 2, SMK Dato' Penggawa Timur, SMK Kota Puteri, SMK Kota Puteri 2, SMK Pasir Gudang 1, SMK Pasir Gudang 2, SMK Pasir Gudang 3 dan SMK Kota Masai.

### **1.8.2 Salah Laku**

Menurut Abdullah Sani Yahaya (2006), perbuatan salah laku didefinisikan sebagai satu perbuatan yang membawa kepada kebencian, sakit hati, rasa tidak selamat dan kemudiannya menggunakan hukuman terhadap individu tersebut. Secara ringkas, perbuatan salah atau penyelewengan tingkah laku adalah merupakan perbuatan yang dilakukan oleh pelakunya dan mendatangkan kesusahan kepada orang lain. Walaubagaimanapun dalam konteks kajian ini, salah laku yang dimaksudkan dapatlah didefinisikan sebagai perlakuan pelajar atau kejadian buruk yang melanggar peraturan sekolah oleh individu pelajar atau kelompok pelajar sama ada dalam jangka masa yang panjang atau dalam masa tertentu oleh pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Harian.

### **1.8.3 Pengurusan Disiplin**

Menurut Abdullah Sani Yahaya (2006), disiplin dapat ditakrifkan sebagai satu latihan pemikiran dan kelakuan yang patut ada pada setiap individu. Disiplin adalah peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi mewujudkan insan mulia. Disiplin juga adalah salah satu aspek kehidupan yang mesti wujud dalam masyarakat. Di sekolah pula, peraturan-peraturan sekolah diadakan bagi menanamkan asas disiplin dalam hati sanubari pelajar

Pengurusan disiplin pula merujuk kepada kebolehan dalam menjalankan setiap prosedur peraturan-peraturan yang telah ditetapkan atau digariskan pihak berwajib bagi tujuan mewujudkan suasana selamat dan melahirkan insan mulia.(Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah, 1981). Dalam kajian ini pula, pengurusan disiplin merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran guru disiplin melaksanakan setiap prosedur-prosedur peraturan di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian di Daerah Pasir Gudang, Johor.

### **1.8.4 Kemahiran**

Merujuk Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian. Kemahiran dan pengetahuan sangat diperlukan bagi pembangunan kepimpinan personal. Ringkasnya, kemahiran sama erti dengan aplikasi. Kebolehan mengaplikasi sesuatu konsep atau idea kepada sesetengah 'task' merupakan satu kelebihan kepimpinan yang tidak dapat dipertikaikan. Kemahiran-kemahiran khusus termasuklah keberanian profesionalisme, ketegaran dan kesabaran serta kemahiran mendengar. Terdapat juga beberapa guru yang tidak cekap dan menunjukkan sikap tidak acuh. Sumbangan mereka dalam pembentukan dan pengawalan tatatertib yang baik dalam kalangan murid-murid boleh dikatakan tidak ada sama sekali. Ini kerana mereka mempunyai sikap 'tidak ambil tahu'. Ada pula

guru-guru dikatakan tidak mahu berbuat apa-apa bagi mencegah kelakuan tidak baik supaya mereka tidak dibenci oleh murid kerana ingin popular dalam kalangan murid-murid. (A . Rajaguru , Mohd Daud Saad dan Ibrahim Saad , 1982:263)

## **1.9 Kesimpulan**

Pengurusan disiplin cemerlang mampu membawa kepada kegemilangan sesebuah sekolah dan sekaligus memberikan sumbangan yang besar kepada masa depan dan hala tuju sesebuah negara menjadi negara yang cemerlang yang mampu melahirkan generasi rakyat yang terbilang. Antara faktor penggerak utama yang dapat dikesan dalam pengurusan disiplin cemerlang ialah faktor pengetahuan dan kemahiran guru disiplin terhadap bidang tugas disamping keperluan latihan yang mencukupi bagi menyediakan guru disiplin ke arah prosedur pengurusan disiplin yang baik. Selain itu, pandangan positif guru disiplin terhadap masalah disiplin semasa dan pengurusan disiplin memainkan peranan penting dalam menjayakan lagi pengurusan disiplin mengikut prosedur.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Saad (1999). *Pengurusan Disiplin Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Projek Sarjana.
- Abdullah Sani Yahaya (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Batu Cave. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Amida Abdul Hamid (1998). *Mengapa Ibu Bapa Terlalu Sensitif*. Dewan Masyarakat. 28: 30-31.
- Atan Long (1984). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Berita Harian (20 Oktober 1994)
- Berita Harian, (7 Julai 1999)
- Duckworth, K (1994). *School Discipline Policy: A Problem Of Balance*. Eugene, Oregon: Centre of Educational policy and Management,
- Hassan Mahmood (2007). *Krisis Kendiri Pelajar Sekolah Menengah*. Batu Cave. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

- Hassan Mohd Ali (1996). *Checlist Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Ibrahim Saad (1986). *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ibrahim Saad (1997). *Ponteng Sekolah: Ponteng Sekolah Tanggungjawab Semua Pihak*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Idris bin Harun (2000). *Fenomena Budaya Lepak Di kalangan Remaja Luar Bandar*.Kuala Lumpur. Dewan bahasa Dan Pustaka
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). *Statistik & Kemasukan Baru di Sekolah, Tunas Bakti*. (1993 -1998).
- Kamus Dewan* (1996). Edisi Ke 3 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru*. Kuala Lumpur : DBP
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran (1979). Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Loh, K.C (1995). Pengurusan Disiplin dan Tingkah Laku Pelajar di SekolahMenengah: *Pembentukan Dasar Tingkah Laku Pelajar*. Journal Pendidikan, Vol. 39: 1-9
- Lim Seo Peng (2010). *Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru-Guru Disiplin Dalam Melaksanakan Tugas Di Sekolah Menengah*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Md Sa'adon bin Verdani. *Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Disiplin Dalam Menjalankan Tugas Di Sekolah Rendah Daerah Segamat*. Skudai, Johor.: Universiti Teknologi Malaysia.

Mingguan Malaysia. (24 Ogos 1997)

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Ismail Othman (2006). *Menangani Disiplin Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.

Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Mohd Salleh Lebar (1991). *Psikologi Perkembangan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang (2001). *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Omardin Ashaari (1996). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Company.

OmarMohd Hashim (1993) *Pendidikan- Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Panduan Am Disiplin Sekolah-sekolah. (1981). KPM

Portney, L.G. & Wallans, M.R.(1993). *Foundation of Clinical Research: Application To Practice*. East Norwalk, Conn: Appleton and Long

Priestly (1977). *Adventure in English Literature*. New York: Harcourt Brace Jovanotich.

*Utusan Malaysia* (2004),

Rahaty Mohd Majzud (1991). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Siri Pendidikan Fajar Bakti.



Rahimah Abu (1995). *Perlaksanaan Tatacara Disiplin Di Sekolah*. Tesis Sarjana Pendidikan Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rajaguru dan Mohd Daud Saad (1996). *Pengamatan Terhadap Masalah Disiplin*. Disusun oleh Ibrahim Saad dalam Isu Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Syarifah Alwiyah Asaggof (1988). Psikologi Pendidikan 1, Konsep – Konsep Psikologi Dan Psikologi Pendidikan, Psikologi Perkembangan. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Tajul Ariffin Noordin (1990). *Pendidikan: Suatu Pemikiran Selalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

*Kamus Dewan* (1996) . Edisi Ke-3 Kuala Lumpur . Dewan Bahasa dan Pustaka  
Ibrahim Saad (1990). *Isu pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakiah Darajat (1975). *Problem Remaja Di Indonesia*. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang.